

21 MEI 2013

Serbu makmal

Oleh MALINDA ABDUL MALIK
berita@kosmo.com.my



ABDUL RAHIM menunjukkan serbuk ekstasi dan peralatan memproses dadah yang dirampas daripada empat individu pada sidang akhbar di George Town, Pulau Pinang semalam.

GEORGE TOWN - Tembeng empat individu termasuk seorang wanita Indonesia membina sebuah makmal mini untuk memproses syabu di dalam dusun durian di Batu Itam, Balik Pulau dekat sini sejak empat bulan lalu terbongkar apabila kesemuanya diberkas minggu lalu.

Makmal mini tersebut ditemui selepas polis menahan kesemua suspek berusia antara 26 hingga 48 tahun tersebut diberkas pada pukul 11 malam, 14 Mei lalu selepas membuat risikan sebaik menerima maklumat awam.

Ketua Polis Negeri, Datuk Abdul Rahim Hanafi berkata, di makmal itu, pihaknya menemui syabu dan sejumlah dadah bernilai RM1.2 juta yang dipercayai hendak dipasarkan kepada penagih di sekitar negeri-negeri Utara.